

**Lebih 500 Penceramah CBP dilatih Beri Pendedahan Kepada Rakyat
Bernama
3 Mei, 2014**

SHAH ALAM, 3 Mei (Bernama) -- Kerajaan sedang melatih lebih 500 penceramah untuk memberi pendedahan mengenai Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) secara lebih khusus kepada rakyat.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Ahmad Maslan berkata kerajaan sedang giat mengambil pelbagai langkah proaktif memastikan semua lapisan masyarakat dapat memahami konsep CBP serta cara pengenaan cukai itu terhadap rakyat.

"Memang setakat ini pemahaman rakyat berhubung CBP masih rendah tapi kerajaan sedang melakukan pelbagai usaha untuk meningkatkan pemahaman mereka," katanya kepada pemberita selepas Program Wacana Penerangan Umno Selangor Siri 1 di sini Sabtu.

Ahmad berkata sebagai sebuah negara berpendapatan sederhana tinggi, pelaksanaan CBP sebenarnya dapat membantu memperbaiki sistem percukaian sedia ada menjadi lebih telus, berkesan dan cekap selain meningkatkan daya saing negara.

Jelasnya, pelaksanaan CBP itu membawa lebih banyak kebaikan kepada rakyat, peniaga serta negara dan bukannya seperti tohmahan yang dilemparkan pihak tidak bertanggungjawab.

Ahmad yang juga Ketua Penerangan Umno turut meminta Umno bahagian di seluruh negara menganjurkan program wacana penerangan bagi membolehkan para anggota parti mendapat maklumat sahih berhubung isu semasa.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1035477>